



Anwar bersama Shaikh Salman pada pertemuan di Manama, Bahrain, semalam.

(Foto BERNAMA)

Keakraban Agong, Raja Bahrain bawa kemakmuran negara

Hubungan baik main peranan kukuh hubungan dan kerjasama dua hala

Daripada Mohd Iskandar Ibrahim

di Manama, Bahrain



Hubungan baik Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dan Raja Bahrain, Sheikh Hamad Isa Al Khalifa memainkan peranan besar kepada kerjasama antara kedua-dua negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata hubungan baik itu juga membawa kemakmuran yang lebih besar kepada rakyat.

“Menghadap Raja Bahrain di Istana Sakhir. Saya menzahirkan penghargaan kepada baginda di atas layanan yang cukup baik oleh Kerajaan Bahrain kepada delegasi Malaysia sepanjang lawatan rasmi ini.

“Saya yakin hubungan baik Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dengan Raja Hamad turut memainkan peranan besar kepada penguatkuasaan kerjasama kedua-dua negara sekali gus membawa kemakmuran yang lebih besar kepada rakyat,” katanya menerusi dalam kenyataan kepada media Malaysia semalam.

Terdahulu, Perdana Menteri diperkenan menerima jemputan menghadap Raja Bahrain di Istana Sakhir, sebagai mengakhiri

lawatan rasminya ke Bahrain.

Anwar meluangkan masa kira-kira sejam bersama baginda berbincang pelbagai perkara bagi memperkasakan hubungan antara Malaysia dan Bahrain.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, sesi menghadap itu menjadi wadah untuk terus memperteguhkan hubungan akrab antara kedua-dua negara menerusi pelbagai bidang yang menjadi kepentingan bersama khususnya pelaburan dan perdagangan.

“Visi dan kebijaksanaan baginda (Raja Bahrain) dalam memimpin pertumbuhan Bahrain menjadi inspirasi buat saya untuk terus bekerja keras memacu Malaysia ke arah kebaikan dari segenap aspek.

“Semoga Allah memberkati Raja Hamad serta seluruh rakyat Bahrain dan mudah-mudahan hubungan kedua-dua negara akan terus dipertingkatkan, insya-Allah,” katanya.

Nilai tahap kerjasama

Terdahulu, Anwar turut meluangkan masa bertemu Sheikh Al-Azhar Al-Sharif, Profesor Dr Ahmad Muhammad Ahmad At-Tayyeb yang juga Pengerusi Majlis Hukama' Muslimin.

Dalam pertemuan itu, kedua-dua pemimpin menilai semula tahap kerjasama dipersetujui semasa pertemuan yang berlangsung di Kaherah, Mesir pada November tahun lalu.

Anwar berkata, mereka juga membincangkan berhubung penubuhan secara rasmi Majlis Hukama Muslimin di Malaysia selain menyentuh hal ehwal Islam serta situasi di Palestin.

“Ia memberi fokus kepada memorandum persefahaman (MoU) penubuhan Institut Bahasa Arab di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan kerjasama Al-Azhar Al-Sharif selain pena-

waran biasiswa buat pelajar Malaysia menyambung pelajaran di institusi berkenaan.

“Selain itu, saya turut memperkenalkan Datuk Mohd Nakhaie Ahmad kepada Sheikh Al-Azhar Al-Sharif sebagai wakil Malaysia yang baharu di dalam Majlis Hukama Muslimin.

Mengenai perbincangannya dengan Menteri Kewangan dan Ekonomi Bahrain, Shaikh Salman Bin Khalifa Al Khalifa, Anwar berkata Malaysia dan Bahrain komited memperkasakan ekonomi kedua-dua negara termasuk dalam mata wang kripto serta platform Sandbox.

“Selain itu, kami turut membincangkan kerjasama pelancongan, kesalinghubungan Kuala Lumpur-Manama dan dalam sektor pembuatan,” katanya.

Anwar berkata, Bahrain turut menyatakan komitmen untuk menjayakan Sidang Kemuncak ASEAN-Majlis Kerjasama Teluk (GCC) dan Sidang Kemuncak ASEAN-GCC+China yang mana Putera Mahkota yang juga Perdana Menteri, Sheikh Salman Hamad Al-Khalifa akan berangkat hadir.

“Saya percaya kolaborasi antara Malaysia dan Bahrain dalam bidang yang dipersetujui akan memberi manfaat langsung kepada ekonomi serta rakyat kedua-dua negara,” katanya.

Anwar kini dalam lawatan rasmi ke Bahrain atas jemputan Putera Mahkota Bahrain.

Sementara itu, berucap di hadapan kira-kira 300 tetamu pada Majlis Makan Malam bersama diaspora Malaysia, Anwar mengingatkan rakyat Malaysia yang berada di luar negara terutama dalam kalangan profesional supaya tidak terperangkap dengan pemikiran lama dan sentiasa mencari kesempatan untuk melengkapkan diri.